

Melahirkan 'satu' ASEAN

um - 24/7/2006

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI
dan YULPISMAN ASLI
(WARTAWAN UTUSAN)



MESYUARAT MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN KE-39

24-28 JULAI 2006
KUALA LUMPUR

Selaras dengan peranan penting yang turut dimainkan ASEAN di pentas antarabangsa, maka persidangan kali ini turut dihadiri oleh rakan-rakan dialog ASEAN seperti Rusia, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia, Kanada dan Kesatuan Eropah (EU).

Malah, persidangan kali ini juga bakal merakamkan saat penting apabila Setiausaha Negara Amerika Syarikat Condoleezza Rice mengesahkan keahdirannya.

Sepanjang mesyuarat lima hari tersebut, ASEAN dijadual turut mengadakan siri pertemuan dan memeterai perjanjian dengan rakan dialog mengenai pelbagai isu berkepentingan sama ada di peringkat bilateral atau multilateral. Syed Hamid bagaimanapun menjelaskan, tidak ada agenda khusus yang dibawa pada mesyuarat kali ini.

Ini kerana, agenda ASEAN adalah untuk membincangkan perkara-perkara yang melibatkan soal-soal kepentingan pergerakan itu, pelan tindakan ASEAN, inisiatif untuk melahirkan ketegasan ASEAN, program tindakan Vientiane dan hubungan ASEAN dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya.

Ia juga melibatkan tindakan bagaimana hendak melahirkan semangat 'keaseanan' atau semangat kekitaan di kalangan negara serantau dan bagaimana mewujudkan satu kerjasama dalam pelbagai bidang sebagaimana telah diperseujui dalam persidangan terdahulu.

Bagaimanapun kata Syed Hamid, antara fokus mesyuarat kali ini ialah mengenai soal keganasan dan jenayah merentasi sempadan yang dijangka turut dibincangkan dengan rakan dialog

Peristiwa keganasan dan kezaliman yang tidak dapat dihentikan menunjukkan seolah-olah masyarakat antarabangsa dan PBB 'dilumpuhkan' oleh kuasa tertentu

SYED HAMID
ALBAR
Menteri Luar

ASEAN.

Selain itu, ARF juga dijangka membincangkan perkembangan dan konflik di Semenanjung Korea ekoran sekatan ke atas Korea Utara oleh Majlis Keselamatan baru-baru ini.

Konflik Palestin-Israel yang kini merebak membabitkan Lebanon, akan turut disentuh oleh Malaysia selaku tuan rumah pada forum itu, dalam konteks keselamatan serantau dan antarabangsa.

Jelas Syed Hamid, isu Palestin memperlihatkan ketidakadilan dan kezaliman yang berlaku.

Serangan rejim Zionis yang melibatkan pembunuhan orang awam dianggap sebagai keganasan dan ia bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Katanya, Malaysia berasa sedih dengan perkembangan tersebut dan berharap dapat menyuarakan pandangan.

Peristiwa keganasan dan kezaliman yang tidak dapat dihentikan menunjukkan seolah-olah masyarakat antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 'dilumpuhkan' oleh kuasa tertentu.


Jelasnya, atas dasar prihatin dan simpati dengan keadaan rakyat Lebanon, Malaysia telah menghantar surat kepada Menteri-Menteri Luar ASEAN lain berhubung pandangan mengenai konflik berkenaan.

Dalam hal ini jelasnya, walaupun ASEAN tidak terlibat secara langsung dalam konflik rantau berkenaan, tetapi ia tetap mempunyai impak kepada kedudukan ASEAN sama ada dalam bidang politik dan ekonomi.

"Mungkin dalam perbincangan, saya akan membawa perkara ini (konflik Israel-Palestin-Lebanon) bagi mencapai kestabilan," katanya.

Selain isu Palestin, mesyuarat kali ini juga bakal memberi tumpuan kepada isu serantau khususnya konflik di Myanmar dan Timor Leste.

Ini kerana, sebagaimana dijelaskan oleh Syed Hamid, sebarang konflik di



SYED HAMID ALBAR

kedua-dua negara anggota ASEAN itu akan turut memberi implikasi ke atas negara anggota yang lain.

Jelas beliau, isu Myanmar misalnya menjadi sesuatu yang menyusahkan ASEAN, negara tersebut tidak prihatin dengan pandangan masyarakat dan negara jiran serantau.

Dalam hal ini, katanya, Myanmar sepatutnya menghormati pergerakan ini dan bukan mempergunakan ASEAN.

"Bila ASEAN hendak berjumpa orang-orang (pemimpin) yang bertanggungjawab (mengenai konflik di negara tersebut), dia tak bagi, tetapi bila wakil Setiausaha Agung (PBB), boleh pula jumpa semua orang. Jadi, kita nak tahu lah bagaimana dia punya pendirian," katanya.

Apa pun, mesyuarat kali ini diharap dapat merapatkan jurang antara anggota ASEAN selain memperkukuhkan kerjasama sedia ada.

MELAHIRKAN ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang disegani dan dihormati adalah harapan khusus dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) yang bermula hari ini.

Mesyuarat itu diharap dapat menyelesaikan masalah yang masih membelenggu rantau ini di samping membincangkan mengenai perkembangan politik, ekonomi, sosial dan budaya serantau.

"Harapan kita ialah supaya ASEAN akan terus menjadi mantap dan jitu sebagai sebuah pertubuhan serantau.

"Kita juga berharap, ASEAN akan terus memainkan peranan dalam melindungi kepentingan politik, keselamatan, ekonomi dan sosial serta budaya," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau meluahkan harapan tersebut ketika mengulas Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 yang akan dianjurkan di Kuala Lumpur pada 24 hingga 28 Julai ini.

Mesyuarat yang bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Selain mesyuarat AMM, KLCC juga bakal menjadi tempat pertemuan perwakilan serantau bagi Persidangan Pasca Peringkat Menteri-Menteri Luar (PMC) dan Forum Rantau ASEAN (ARF) kali ke-13.

Ini merupakan pusingan terakhir mesyuarat yang dianjurkan oleh Malaysia atas kapasiti Pengerusi ASEAN.

Mengulas mesyuarat penting itu, Syed Hamid berkata, dengan tema 'Menjalin Kesatuan, Ketahanan dan Integrasi ASEAN', mesyuarat kali ini bermatlamat melahirkan "satu ASEAN yang mempunyai kesepaduan, ASEAN yang kukuh dan mempunyai ketahanan dalam berhadapan tuntutan semasa."

Justeru, jelas beliau, selaku tuan rumah, Malaysia berharap ASEAN melalui AMM dan ARF dapat membincangkan isu-isu semasa yang akan membawa faedah dan manfaat kepada kira-kira 500 juta penduduknya.

"Kita hendak melahirkan satu ASEAN yang dihormati, satu ASEAN yang disegani," ujarnya.